

Peruntukan RM1b bantu pulih ekonomi mangsa banjir

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

utusan.kelantan@utusan.com.my

■ TANAH MERAH 11 APRIL

KERAJAAN Pusat memperuntukkan lebih RM1 bilion bagi membantu memulihkan ekonomi mangsa banjir di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian dan agensi-agensi kerajaan itu akan membantu pelbagai sektor seperti pertanian serta perniagaan terutama melibatkan usahawan kecil.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM500 juta akan disediakan oleh Bank Negara melalui bank-bank perdagangan dan institusi kewangan Islam serta



Kerajaan mengambil tindakan secara menyeluruh bagi membantu mangsa banjir ini. Apa yang penting kebajikan dan kesejahteraan rakyat dapat dibela."

MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

pembangunan khusus bagi membina yayai mana-mana usahawan terjejas banjir yang memerlukan bantuan berbentuk pinjaman bagi memulakan kembali perniagaan.

"Sementara itu, sebanyak RM259

juta disediakan oleh Kementerian-Kementerian dan agensi kerajaan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan RM100 juta manakala Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pula sebanyak RM10 juta.

"Selain itu, sebanyak RM100 juta akan disalurkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan RM40 juta khusus untuk membantu Kelantan manakala Tabung Bencana Agro Makanan akan menyediakan dana sebanyak RM47 juta dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebanyak RM2 juta," katanya.

Beliau berucap demikian dalam Majlis Penyerahan Bantuan Ekonomi Mangsa Banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Merah 1 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ahli Par-

limen Tanah Merah, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz serta 10,000 penduduk daerah ini.

Pada majlis tersebut Muhyiddin turut menyampaikan cek bantuan sebanyak RM27.2 juta bagi membantu pemulihan ekonomi mangsa banjir di seluruh negeri ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, jumlah peruntukan yang disediakan itu bagi membantu mangsa yang terjejas banjir dapat memulakan kembali kehidupan.

"Kerajaan mengambil tindakan secara menyeluruh bagi membantu mangsa banjir ini. Apa yang penting kebajikan dan kesejahteraan rakyat dapat dibela.

"Saya tahu di Kelantan sahaja ramai mangsa terutama usahawan-usahawan kecil sangat memerlukan bantuan ini bagi memulakan kembali perniagaan mereka," katanya.